**LAMPIRAN 2**

## Soalan Lazim (FAQ) Berkenaan Permohonan Moratorium Pembiayaan CBP
## 10 April 2020

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Apakah jenis perniagaan yang layak untuk memohon Program CB-Prihatin?</td><td>Jenis perniagaan yang layak memohon adalah seperti berikut:<br><ul><li>Pemilik tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, atau syarikat sendirian berhad, yang memenuhi kriteria Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti garis panduan SME Corporation Malaysia.</li><li>Koperasi yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).</li><li>PKS dan Koperasi yang aktif dan tidak “dormant”.</li><li>Semua industri / bidang perniagaan adalah layak.</li></ul></td></tr>
<tr><td>2</td><td>Apakah definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)?</td><td>Definisi Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS)<br><table>
<tr><th rowspan="2">Kategori</th><th colspan="2">Kecil</th><th colspan="2">Sederhana</th></tr>
<tr><th>Jualan Tahunan</th><th>Pekerja</th><th>Jualan Tahunan</th><th>Pekerja</th></tr>
<tr><td>Pembuatan</td><td>RM300,000 hingga RM15 juta</td><td>5 hingga tidak melebihi 75 pekerja</td><td>RM15 juta hingga RM50 juta</td><td>75 hingga tidak melebihi 200 pekerja</td></tr>
<tr><td>Perkhidmatan dan Sektor Lain</td><td>RM300,000 hingga RM3 juta</td><td>5 hingga tidak melebihi 30 pekerja</td><td>RM3 juta hingga RM20 juta</td><td>30 hingga tidak melebihi 75 pekerja</td></tr>
</table></td></tr>
<tr><td>3</td><td>Adakah permohonan untuk Program CB-Prihatin mempunyai tempoh tertentu?</td><td>Program CB-Prihatin bermula pada 1 April 2020 sehingga 31 Disember 2020 dan tertakluk kepada had peruntukan dana.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Adakah syarikat-syarikat Kawalan bukan pemastautin layak menyertai CB-Prihatin?</td><td>Hanya syarikat-syarikat di mana 51% daripada saham atau lebih adalah dipegang oleh warganegara Malaysia akan layak memohon Program CB-Prihatin.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Dimanakah borang permohonan Program CB-Prihatin boleh didapati?</td><td>Borang-borang permohonan boleh didapati di:<br><br>1. Melalui laman sesawang rasmi CBP seperti di bawah:</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | - Borang permohonan bagi koperasi https://www.cbp.com.my/images/Borang-Permohonan-Pembiayaan-Koperasi.pdf<br>Borang APDP bagi koperasi https://www.cbp.com.my/images/Borang-APDP-Koperasi.pdf<br><br>- Borang permohonan bagi PKS https://www.cbp.com.my/images/Borang-Permohonan-Pembiayaan-PKS.pdf<br>Borang APDP bagi PKS https://www.cbp.com.my/images/Borang-APDP-PKS.pdf<br><br>**2.** Melalui semua cawangan-cawangan CBP (sila rujuk laman sesawang rasmi CBP). |
| **6** | Apakah dokumen-dokumen yang diperlukan untuk memohon? | Para pemohon boleh merujuk kepada:-<br><br>**1.** Melalui laman sesawang rasmi CBP<br>- Senarai semak bagi dokumen permohonan koperasi https://www.cbp.com.my/images/Senarai-Semak-Pembiayaan-Koperasi.pdf<br>- Senarai semak bagi dokumen permohonan PKS https://www.cbp.com.my/images/Senarai-Semak-Pembiayaan-KPS.pdf |
| **7** | Adakah Program CB-Prihatin ini terbuka kepada anggota CBP sahaja? | Program ini adalah terbuka kepada anggota CBP dan juga bukan anggota CBP. |
| **8** | Bolehkah Koperasi / PKS memohon Program CB-Prihatin untuk tujuan selain daripada pembiayaan modal kerja? | Program CB-Prihatin adalah untuk pembiayaan seperti berikut:-<br><br>1. Pembiayaan modal kerja.<br>2. Pembiayaan koperasi kredit<br>3. Pembelian tanah / pelaburan hartanah (pembiayaan baharu / pembiayaan semula.<br>4. Pembangunan hartanah.<br>5. Pembiayaan Kontrak dan Pemfaktoran.<br>6. Aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain dan patuh Syariah |
| **9** | Berapakah kadar keuntungan yang dikenakan? | CB-Prihatin menawarkan kadar keuntungan serendah ECOF + 1% setahun. |

| | | |
|---|---|---|
| **10** | Apakah ciri-ciri lain yang ditawarkan di dalam Program CB-Prihatin | • Tempoh bertenang ("grace period") pembiayaan sehingga 9 bulan (bermula daripada ansuran bulanan pertama) (untuk produk pembiayaan yang terpilih).<br>• Yuran guaman yang ditanggung oleh pihak CBP sebanyak 50%.<br>• Duti setem akan ditanggung oleh pelanggan sepenuhnya. |
| **11** | Adakah pelanggan perlu menyediakan cagaran untuk mendapat pembiayaan di bawah Program CB-Prihatin? | Penyediaan cagaran adalah tertakluk kepada penilaian dan perbincangan. |
| **12** | Berapa lama tempoh pembiayaan yang akan ditawarkan? | Tempoh pembiayaan bergantung kepada jenis kemudahan yang diluluskan. |
| **13** | Adakah dana Program CB-Prihatin merupakan dana daripada kerajaan? | Dana yang diperuntukkan **bukan** daripada dana Bank Negara Malaysia ataupun dana kerajaan.<br><br>Program CB-Prihatin adalah merupakan inisiatif CBP bagi menyokong program bantuan prihatin pihak kerajaan bagi membantu perniagaan yang terkesan dari penularan COVID-19.<br><br>CBP telah memperuntukkan dana sebanyak RM100 juta sebagai komitmen untuk program ini. |
| **14** | Dimanakah permohonan yang telah lengkap boleh dihantar? | Borang permohonan yang lengkap beserta dokumen sokongan boleh dihantar terus ke cawangan CBP yang berdekatan atau melalui emel pembiayaan.korporat@cbp.com.my. |

*(*Kelulusan pembiayaan adalah berdasarkan penilaian kredit dan keputusan mutlak CBP serta berpandukan terma-terma dan syarat)*

## Co-opbank Pertama
## 10 April 2020

**Nota:**

Sebarang maklumat tambahan akan dikemaskini dari semasa ke semasa.